



Prestasi Perdagangan Borong & Runcit, Disember 2023

PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, DISEMBER 2023

NILAI JUALAN

PERDAGANGAN BORONG



Dis. 2023: RM62.9b. | 4.4% ↑
Nov. 2023: RM63.2b. | 6.2% ↑

PERDAGANGAN RUNCIT



Dis. 2023: RM62.4b. | 5.0% ↑
Nov. 2023: RM61.3b. | 4.4% ↑

KENDERAAN BERMOTOR



Dis. 2023: RM18.6b. | 5.9% ↑
Nov. 2023: RM18.1b. | 12.7% ↑

INDEKS VOLUM



PERDAGANGAN BORONG

Dis. 2023 : 3.4% ↑
Nov. 2023: 5.8% ↑



PERDAGANGAN RUNCIT

Dis. 2023 : 3.6% ↑
Nov. 2023: 2.9% ↑



KENDERAAN BERMOTOR

Dis. 2023 : 3.9% ↑
Nov. 2023: 10.5% ↑

NILAI JUALAN

RM143.9b.

Dis. 2023: 4.8%
Nov. 2023: 6.2%

INDEKS VOLUM

154.3 mata

Dis. 2023: 3.4%
Nov. 2023: 4.7%

NOV. 2023
0.7%

INDEKS VOLUM PELARASAN
MUSIM (BULANAN)

DIS. 2023
-1.4%

KUMPULAN UTAMA (NILAI JUALAN)

PERDAGANGAN BORONG



Lain-lain Pengkhususan
Jualan Borong

Nov. 2023: 9.3% | Dis. 2023: 6.2%



Jualan Borong
Barangan Isi Rumah

Nov. 2023: 5.2% | Dis. 2023: 5.3%



Jualan Borong Makanan,
Minuman & Tembakau

Nov. 2023: 2.3% | Dis. 2023: 1.4%

PERDAGANGAN RUNCIT



Jualan Runcit Di Kedai
Bukan Pengkhususan

Nov. 2023: 6.5% | Dis. 2023: 6.3%



Jualan Runcit Di Kedai
Khusus Yang Menjual
Barangan Lain

Nov. 2023: 3.7% | Dis. 2023: 5.8%



Jualan Runcit Di Kedai
Khusus Yang Menjual
Peralatan Lain Isi Rumah

Nov. 2023: 3.7% | Dis. 2023: 5.9%

KENDERAAN BERMOTOR



Jualan Kenderaan
Bermotor

Nov. 2023: 13.5% | Dis. 2023: 4.4%



Jualan Komponen &
Aksesori Kenderaan
Bermotor

Nov. 2023: 14.5% | Dis. 2023: 10.9%



Penyelenggaraan &
Pembaikan Kenderaan
Bermotor


Nov. 2023: 16.3% | Dis. 2023: 12.3%

Perubahan peratusan: Tahun ke Tahun

Sumber: Prestasi Perdagangan Borong & Runcit, Disember 2023
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Prestasi Nilai Jualan dan Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

Prestasi Nilai Jualan dan Indeks Volum
Perdagangan Borong & Runcit



Perdagangan Borong & Runcit Malaysia mencecah paras tertinggi sebanyak RM143.9 bilion pada Disember, dengan jualan tahunan berjumlah RM1.7 trilion pada 2023

- Perdagangan Borong & Runcit Malaysia merekodkan nilai jualan bulanan tertinggi berjumlah **RM143.9 bilion** pada Disember, dengan suku tahun keempat 2023 mencatatkan **RM428.8 bilion**. Peningkatan sebanyak **4.8 peratus** tahun ke tahun bagi Perdagangan Borong & Runcit pada Disember 2023 dipacu oleh subsektor Perdagangan Runcit yang meningkat **5.0 peratus** atau **RM3.0 bilion** kepada **RM62.4 bilion**. Perdagangan Borong juga berkembang dengan mencatatkan **4.4 peratus** atau **RM2.6 bilion** kepada **RM62.9 bilion**, diikuti oleh Kenderaan Bermotor dengan pertumbuhan **5.9 peratus** atau **RM1.0 bilion** untuk berada pada **RM18.6 bilion**.
- Pertumbuhan **5.0 peratus** tahun ke tahun bagi Perdagangan Runcit disumbangkan oleh Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan yang tumbuh **6.3 peratus** atau **RM1.4 bilion** kepada **RM23.8 bilion**. Kumpulan lain dalam subsektor ini turut merekodkan pertumbuhan positif iaitu Jualan Runcit di Kedai Pengkhususan (**5.8%**), Jualan Runcit Barangan Isi Rumah (**5.9%**), Jualan Runcit Makanan, Minuman & Tembakau (**9.9%**), Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan (**2.4%**), Jualan Runcit Barangan Kesenian & Rekreasi (**2.5%**), Jualan Runcit di Gerai & Pasar (**6.6%**) dan Jualan Runcit Bukan di Kedai, Gerai atau Pasar (**1.1%**). Bagi perbandingan bulanan, jualan subsektor ini meningkat **1.8 peratus**.
- Kenaikan **4.4 peratus** tahun ke tahun bagi subsektor Perdagangan Borong pada bulan ini disokong oleh Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong yang meningkat **RM1.4 bilion** atau **6.2 peratus** kepada **RM23.9 bilion**. Ini diikuti oleh Jualan Borong Barangan Isi Rumah (**5.3%**), Jual Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup (**5.4%**), Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau (**1.4%**), Jualan Borong Jentera, Peralatan & Bekalan (**1.1%**), Perdagangan Borong Tanpa Pengkhususan (**2.1%**) dan Jual Borong Berdasarkan Kontrak atau Yuran (**0.4%**). Walau bagaimanapun, bagi perbandingan bulanan, Perdagangan Borong terus merekodkan pertumbuhan negatif iaitu **-0.4 peratus**.
- Pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak **5.9 peratus** bagi subsektor Kenderaan Bermotor pada Disember dipacu oleh Jualan Komponen & Aksesori Kenderaan Bermotor yang melonjak **10.9 peratus** atau **RM0.5 bilion** untuk merekodkan **RM4.7 bilion**. Ini diikuti oleh Jualan Kenderaan Bermotor (**4.4%**) dan Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor (**12.3%**). Bagi perbandingan bulanan, subsektor ini berkembang **2.7 peratus**.
- Bagi indeks volum, Perdagangan Borong & Runcit pada Disember 2023 mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak **3.4 peratus**. Pengembangan ini disumbangkan oleh semua subsektor iaitu Kenderaan Bermotor (**3.9%**), Perdagangan Runcit (**3.6%**) dan Perdagangan Borong (**3.4%**). Bagi indeks volum pelarasan musim, ia jatuh **-1.4 peratus** bulan ke bulan.

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

